



**جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية**  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus** : SP 5311

**Nama Kursus** : Undang-Undang Harta Islam

**Peringkat Kursus** : Diploma Lepas Ijazah

**Masa** : 3 jam

#### **Nota :**

Jawab semua soalan-soalan berikut.

بسم الله الرحمن الرحيم

### **Soalan Pertama (14 markah)**

1. "Milik ialah penguasaan dengan sesuatu yang menghalang orang lain campur tangan tentangnya. Orang yang memilikinya itu boleh mengurus atau mentadbir barang itu mulai memilikinya kecuali terdapat halangan Syara'." Sila huraikan maksud dari definisi milik tersebut. (6 markah)
  
2. Mustafa al-Zarqa mendefinisikan 'hak' sebagai bidang kuasa atau juridiksi yang dengannya diakui oleh syarak sebagai mempunyai suatu kekuasaan atau pertanggungjawaban (taklif').
  - a) Sila jelaskan pengertian dan keistimewaan yang terkandung dalam definisi ini. (4 markah)
  
  - b) Hak dari sudut pemiliknya merupakan salah satu dari jenis-jenis hak. Sila terangkan secara terperinci pembahagian-pembahagian hak manusia. (4 markah)

### **Soalan Kedua (12 markah)**

*Hibah* menurut syarak ialah suatu kontrak yang merujuk kepada pemindahan hak milik tanpa sebarang gantian, ketika masih hidup dan dilakukan secara sukarela.

1. Berdasarkan kepada takrif ini, terdapat persamaan antara *hibah* dengan hadiah dan sedekah. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan antara ketiga-tiga amalan ini daripada segi makna dan hukum. Sila huraikan apa yang dimaksudkan dengan persamaan dan perbezaan dalam hal ini dengan lebih jelas serta berikan dalil bagi menguatkan lagi keterangan berkenaan. (6 markah)
  
2. Sila berikan hukum-hukum dan sebab dalam permasalahan anugerah berikut:
  - a) Penerimaan anugerah melalui wakil bagi kanak-kanak. (1.5 markah)
  
  - b) Isteri yang masih kecil selepas berlangsung majlis perkahwinan. (1.5 markah)
  
  - c) Penjaga kepada orang yang berada di bawah jagaannya. (1.5 markah)

d) Bapa meminta semula anugerah yang telah diberikan kepada anaknya.

(1.5 markah)

### **Soalan Ketiga (12 markah)**

1. Syarak mengharuskan wasiat kerana ia membawa faedah kepada pewasiat, kaum keluarga dan masyarakat amnya.

a) Sila berikan definisi wasiat dari sudut Bahasa dan Syarak berserta dalil pensyariatannya dari ayat al-Quran dan al-Hadith. (4 markah)

b) Dalam beberapa keadaan, wasiat akan berubah hukumnya kepada wajib, haram, harus dan makruh. Jelaskan. (4 markah)

2. Pengawas bagi harta wakaf ialah orang yang paling layak mengawasi harta wakaf tersebut kerana dialah orang yang ditetapkan sendiri oleh pewakaf.

a) Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi melayakkan seseorang itu untuk mengawasi harta wakaf? (2 markah)

b) Bolehkah pengawas meminta untuk dibayar upah atas sebab tugas yang dilaksanakannya itu? Sila hurlakan. (2 markah)

### **Soalan Keempat (12 markah)**

1. *Tahjir* adalah salah satu cara pelupusan tanah oleh kerajaan dalam undang-undang tanah Islam. Sila jelaskan pendapat-pendapat mengenai *Tahjir* tersebut.

a) Perkara 1052 the Mejelle (2 markah)

b) Ulama Syafi'i (2 markah)

2. Sila jelaskan secara terperinci pendapat fuqaha mengenai:
- a) Tanah terbiar yang dibangunkan. (4 markah)
- b) Tanah yang pernah dimiliki oleh orang Islam atau Dhimmi yang tidak diketahui. (4 markah)

بالتوفيق والنجاح